

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-15, (PRU-15) lalu memperlihatkan berlakunya perubahan besar terhadap kecenderungan politik masyarakat Melayu di negara ini.

UMNO yang sebelum ini menjuarai sokongan masyarakat Melayu sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar hanya mampu bertahan di kawasan yang ditandingi oleh calon popular untuk parti itu.

Keputusan PRU-15 menunjukkan UMNO hanya menang sebanyak 26 kerusi Parlimen, manakala PAS pula menunjukkan prestasi yang tidak pernah dikecap oleh parti itu apabila berjaya menang sebanyak 43 kerusi Parlimen. Sebuah lagi parti berteraskan perjuangan bangsa Melayu, BERSATU menang sebanyak 34 kerusi Parlimen, manakala PKR, sebuah parti campuran pelbagai etnik di Malaysia, menang sebanyak 31 kerusi Parlimen. Daripada jumlah tersebut, hanya 19 kerusi Parlimen disumbangkan oleh calon Melayu dalam parti tersebut. Berdasarkan angka tersebut, keputusan PRU-15 memperlihatkan berlakunya perubahan pengundian dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, PRU-15 turut menunjukkan pengundi Melayu yang berjumlah 12.49 juta orang mempunyai empat pilihan bagi memilih parti yang mampu memperjuangkan nasib dan bangsa mereka.

Dari sudut pandang demokrasi, penyertaan banyak parti ini mendatangkan kebaikan kepada masyarakat Melayu kerana mempunyai pilihan yang pelbagai. Dari sudut agenda sosialisme, perkara ini mendatangkan keburukan kerana sokongan berpecah kepada pelbagai pihak. Berpecahan yang berlaku ini secara tidak langsung memperlihatkan asas kesepaduan bangsa tertentu berada dalam aspek yang longgar. Oleh itu, adakah perkara yang sama akan berlaku pada pilihan



# HALA TUJU POLITIK MASYARAKAT MELAYU MENUJU PRU-16

raya akan datang? Atau keadaan yang berlaku semakin memburuk untuk bangsa Melayu sendiri? Jawapannya, bergantung pada bangsa Melayu itu sendiri. Sekiranya perpecahan berterusan berlaku, kesan buruk pasti akan melewati bangsa Melayu yang menjadi tunjang terhadap asas pentadbiran Malaysia.

## Perubahan Kecenderungan Pengundian Masyarakat Melayu

Keputusan PRU-15 dan Pilihan Raya Negeri 2023 (PRN 2023) memperlihatkan berlakunya perubahan kecenderungan pengundian, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu. Masyarakat Cina dan India pula, masih kekal untuk mengundi DAP dan parti lain dari Pakatan Harapan (PH). Hampir keseluruhan masyarakat Melayu mengundi parti yang mendendangkan isu bangsa, agama dan raja atau turut dikenali dengan 3R (race, religion, royal). Kecenderungan

angin perubahan undian ini dapat dilihat berlaku di Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Melaka.

UMNO yang selama ini memperjuangkan bangsa Melayu turut terkesan akibat perubahan ini. Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hampir tewas dan sekadar menang dengan majoriti tipis, iaitu sebanyak 348 undi. Manakala Presiden PKR, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berpindah kerusi dari Parlimen Port Dickson ke Tambun hanya menang dengan majoriti 3736 undi berbanding dengan prestasi beliau sebelum ini yang sentiasa menang dengan majoriti selesa melebihi 15,000 undi setiap kali PRU diadakan. Persoalannya, mengapakah berlakunya perubahan mendadak sedemikian dalam kalangan pengundi Melayu?

Faktor utama yang menyebabkan berlakunya perubahan tersebut tentunya melibatkan pertambahan pengundi mendadak dalam kalangan masyarakat Melayu. Pada Pilihan



Raya Umum ke-14, (PRU-14), jumlah pengundi Melayu yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) berjumlah 8.36 juta orang. Jumlah ini meningkat kepada 12.49 orang pada PRU-15. Peningkatan ini disebabkan oleh pengundi berumur 18 tahun dibenarkan mengundi dan PRU-15 menjadi medan ujian pertama kelompok ini dibenarkan mengundi. Berdasarkan angka tersebut, jumlah kumpulan pengundi berusia 18 tahun hingga 21 tahun berjumlah sebanyak 6.58 peratus atau 855,400 orang. Angka ini membuktikan pengundi kelompok ini memainkan peranan yang penting dalam menentukan keputusan untuk sesebuah kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kewujudan kelompok ini secara tidak langsung membawa dimensi politik baharu dalam kalangan pengundi Melayu. Kesusahan mendapatkan peluang pekerjaan, sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta menjadi faktor utama yang menentukan kecenderungan pengundian mereka. Selain itu, pengundi daripada kumpulan ini turut menyalahkan kerajaan dan bertindak sebagai protes. Selain itu, pengundi tersebut melibatkan kelompok yang paling aktif dalam memperjuangkan sentimen dan provokasi 3R. Sepanjang tempoh kempen PRU-15 dan PRN 2023, kumpulan pengundi muda ini sanggup turun ke padang, membawa bendera PAS dan Perikatan Nasional (PN) secara sukarela berbanding dengan membawa bendera UMNO ataupun PKR.

Perubahan kecenderungan pengundian ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan pengundi muda,

malah turut melibatkan pengundi dewasa. Perubahan kecenderungan pengundian dalam kalangan kelompok ini turut berlaku di Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Masyarakat Melayu daripada kumpulan pengundi berumur 35 tahun hingga 50 mula beralih daripada UMNO kepada PN yang diterajui oleh PAS dan BERSATU. Namun begitu, perubahan ini tidak dikesan lebih awal kerana hanya diketahui pada malam keputusan PRU-15 diumumkan. Akibat daripada perubahan ini, nama-nama besar politik dari Pulau Pinang, seperti Nurul Izzah dan Rezal Merican tewas dengan angka majoriti yang mengejutkan pelbagai pihak. Nurul Izzah tewas kepada calon PAS, Muhammad Fawwaz dengan majoriti 5272 undi, manakala Rezal Merican juga tewas dengan calon PAS, Siti Mastura Mohamad dengan majoriti 2867 undi. Apakah faktor utama yang menyebabkan perubahan ini dalam kalangan masyarakat Melayu selepas setia dengan tempoh yang lama di Permatang Pauh dan di Kepala Batas?

Faktor dominan yang menyebabkan perubahan kecenderungan undi ini berlaku disebabkan penularan sentimen 3R dalam kalangan pengundi di kedua-dua kerusi tersebut. Dakwaan bahawa UMNO dan PKR tidak menjaga masyarakat Melayu secara tidak langsung menyemarakkan angin perubahan untuk mengundi parti yang baharu selain PKR dan UMNO. Perubahan kecenderungan undi dalam kalangan masyarakat Melayu ini pada dasarnya perlu diberi perhatian oleh pemimpin parti politik Melayu.


Perubahan yang berlaku terhadap kecenderungan pengundian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu dahagakan kepimpinan yang

diyakini boleh menjaga masa depan mereka, lebih-lebih lagi dalam tempoh semasa, iaitu sektor ekonomi swasta dimonopoli oleh bangsa tertentu. Oleh itu, mereka mengundi parti yang diyakini dapat membela nasib bangsa dan agama mereka. Oleh itu, ramai yang mengubah sokongan daripada UMNO dan PKR kepada PAS dan BERSATU.

#### **Kewujudan Budaya Politik Baharu**

Perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu ini secara tidak langsung mewujudkan budaya politik baharu di Malaysia. Budaya politik tersebut merangkumi aspek perjuangan 3R yang lebih kepada kesedaran menjaga dan membela nasib bangsa. Sebelum ini, nasib bangsa Melayu kurang dijadikan isu utama dalam kempen setiap kali PRU diadakan. Walaupun begitu, terdapat juga parti politik yang sering memperjuangkan perkara ini seperti UMNO, namun tidak merangkumi secara keseluruhan.

Persoalannya, adakah budaya ini positif terhadap keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia atau sebaliknya? Melihat kepada isu yang terlalu sensitif yang diperjuangkan seperti isu kesultanan dan agama Islam, secara tidak langsung memberikan kesan negatif terhadap aspek keharmonian kaum. Naratif budaya politik baharu ini perlu diberi perhatian khusus kerana dalam masa yang sama, akan merombak semula asas kerangka perpaduan yang telah lama bertunjang di Malaysia. Walaupun begitu, perkembangan semasa tulangnya budaya ini memperlihatkan ketidakpuasan hati dalam kalangan bangsa Melayu terhadap pentadbiran kerajaan sedia



## Kerajaan dan pihak berwajib perlu memberikan perhatian khusus terhadap agenda untuk membela masyarakat Melayu.

ada. Mereka merasakan tidak diberi perhatian khusus oleh kerajaan, terutamanya dalam pelibatan sektor ekonomi.

Sehingga tahun 2023, masyarakat Melayu yang terlibat dalam ekonomi Malaysia ialah 39 peratus. Angka ini termasuklah dalam sektor kontraktor pembekal dan korporat. Oleh itu, ketidakpuasan masyarakat Melayu terus berlaku, terutamanya dalam hal ehwal ekonomi. Secara tidak langsung, budaya politik baharu ini mempolemikkan kedudukan bangsa Melayu itu lebih tinggi daripada bangsa lain. Walaupun dari sudut lain, perkara ini menjadi satu perkembangan positif untuk bangsa Melayu itu sendiri, namun bagi bangsa lain, perkara ini dikatakan menanam persepsi buruk dalam kalangan mereka. Bagi membendung perkara ini, kerajaan dan pihak berkuasa perlu melakukan garis panduan agar budaya politik ini tidak terlalu menonjol kerana kebimbangan terhadap teretusnya rusuhan kaum ekoran ketidakpuasan hati terhadap kaum lain di Malaysia.

### Cadangan dan Langkah Penyelesaian

Bagi meredakan ketidakpuasan hati masyarakat Melayu, terutamanya melalui politik, kerajaan dan pihak yang berkaitan perlu menyediakan kerangka khusus untuk membincangkan mengenai tindakan atau rancangan agenda membela masyarakat Melayu ini. Antaranya termasuklah mewujudkan kongres khas masyarakat Melayu tanpa mengira parti, persatuan dan kedudukan. Melalui adanya kongres sebegini, tahap permasalahan sosioekonomi masyarakat Melayu itu dapat diukur berasaskan kepada statistik kajian tulen. Pembuktian ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pihak yang berpolitik secara melampau, terutamanya dalam usaha menarik sokongan masyarakat Melayu.

Kongres sebegini pernah dilakukan oleh Dato' Onn Jaafar pada tahun 1946 dan terbukti

berjaya dalam agenda membela masyarakat Melayu. Selain itu, kejayaan Kongres Melayu 1946 ini sedikit sebanyak berjaya meredakan kemarahan masyarakat Melayu terhadap British dalam tempoh tersebut. Oleh itu, bagi hala tuju politik terbaharu ini, kerajaan perlu mempertimbangkan bagi melaksanakan kongres tersebut dengan agenda utamanya, yakni perbincangan yang permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu, seperti pelibatan dalam sektor ekonomi, peluang pendidikan dan untuk mendapat tempat tinggal yang setara di bandar besar.

Kongres yang melibatkan pelbagai parti, sama ada dari kerajaan dan pembangkang telah lama diadakan di luar negara. Mengambil contoh pendekatan parti politik di negara luar seperti Jepun, pihak Parti Liberal Demokratik (LDP) dan seteru utamanya Parti Demokratik Jepun mengadakan kongres secara bersama pada tahun 2011 bagi membincangkan mengenai agenda untuk memajukan dan menjadikan Jepun sebagai kuasa ekonomi terbesar dunia semula. Begitu juga dengan politik di United Kingdom, Langkah Brexit yang dipersetujui secara bersama antara Parti Buruh dengan Parti Konservatif untuk membela masyarakat di negara tersebut dari ditindas oleh bangsa asing. Oleh sebab itu, kongres sebegini perlu dilakukan, terutamanya demi kemaslahatan bangsa Melayu yang memerlukan pembelaan dan perhatian daripada kerajaan.

Secara konklusinya, kerajaan dan pihak berwajib perlu memberikan perhatian khusus terhadap agenda untuk membela masyarakat Melayu. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, dikhuatiri wujudnya budaya politik baharu yang akan memberikan kesan negatif kepada konsep masyarakat majmuk di negara ini. Pada akhirnya, agenda untuk membawa Malaysia melepasi taraf negara maju akan tergendala lagi. ■

Dr. Muhammad Naim Fakhirin Rezani, Pensyarah di Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).